

SOALAN NO : 59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)**

**TARIKH : 3 OGOS 2017
(KHAMIS)**

SOALAN :

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan hasil penubuhan Trilateral Maritime Patrol (TMP) menerusi inisiatif tiga pasukan keselamatan iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina yang dilihat bagi memantapkan keselamatan perairan negara sekaligus menghalang aktiviti keganasan daripada bertapak di rantau ASEAN ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Situasi keselamatan serantau dan global pada ketika ini bukan sahaja terdedah kepada ancaman-ancaman berbentuk konvensional malah ianya lebih menjurus kepada cabaran-cabaran keselamatan berbentuk ancaman bukan tradisional (*non-traditional*) yang memerlukan pendekatan menyeluruh dalam menanganinya. Ancaman keselamatan bukan tradisional ini jika tidak ditangani dengan teliti dan berkesan boleh menjejaskan keselamatan dan kedaulatan negara.

Cabaran keselamatan bukan tradisional ini juga turut melibatkan isu keselamatan perairan di kawasan persempadanan Malaysia, Indonesia dan Filipina di Laut Sulu yang mempunyai kepentingan keselamatan kepada ketiga-tiga buah negara.

Melihat kepada kejayaan yang dicapai dalam menangani isu-isu keselamatan di Selat Melaka melalui kerjasama empat negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand yang dikenali

sebagai *Malacca Strait Patrol* (MSP), MSP telah dijadikan *template* / model oleh Malaysia dalam membentuk rangka kerjasama bersama Indonesia dan Filipina yang dikenali sebagai *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA).

TCA telah ditandatangani di Jakarta dan merupakan satu bentuk pendekatan yang inovatif dan usaha yang unik yang menunjukkan kesepaduan ke tiga tiga negara sebagai lambang kesepakatan dan solidariti ASEAN.

Di bawah rangka kerjasama ini, *Trilateral Maritime Patrol* (TMP) telah dilancarkan di Tarakan, Indonesia pada 19 Jun 2017 secara bersama oleh Menteri Pertahanan ketiga-tiga negara yang turut di hadiri juga oleh Timbalan Menteri Pertahanan Brunei dan Menteri Negara Kanan Singapura (Pertahanan dan Luar Negara) .

Hasil pelancaran ini, maka bermulalah pelaksanaan rondaan maritim yang melibatkan aset dan anggota pasukan keselamatan ketiga-tiga negara.

Seiring dengan pelancaran *Trilateral Maritime Patrol* (TMP), *Maritime Command Centre* (MCC) ketiga-tiga negara turut dilancarkan secara serentak bertujuan mewujudkan saluran komunikasi, meningkatkan koordinasi operasi dan kerjasama perisikan.

Selain itu, ketiga-tiga negara ini juga telah bersetuju untuk membenarkan pelaksanaan operasi *hot pursuit* iaitu mengejar merentasi sempadan perairan oleh pihak angkatan tentera dan agensi keselamatan ketiga-tiga negara serta memberi bantuan kecemasan sekiranya diperlukan.

Sebagai perancangan masa depan dalam mempertingkatkan lagi inisiatif kawalan maritim di Laut Sulu, kita sedang merancang untuk melaksanakan *Trilateral Air Patrol* (TAP) secara berkala melibatkan Tentera Udara ketiga-tiga negara.

Selain daripada itu, ketiga-tiga negara turut bersetuju untuk melaksanakan eksekusi bersama yang bertujuan untuk mempertingkatkan *tactical interoperability* serta memperlihatkan kehadiran aset "show of force" angkatan tentera ketiga-tiga negara di kawasan tersebut.

Malaysia, Filipina dan Indonesia juga Singapura dan Brunei pada dasarnya bersetuju bahawa pendekatan TMP ini bukan sahaja boleh digunakan untuk mengekang jenayah-jenayah rentas sempadan tetapi juga pendekatan yang unik ini boleh digunakan untuk memerangani fahaman kumpulan DAESH daripada menular di rantau ini.

Kerjasama tiga hala ini adalah selaras dengan pendirian kesemua sepuluh negara anggota ASEAN, yang berikrar untuk memerangani ancaman DAESH di rantau ini semasa Malaysia mempengerusikan Mesyuarat ke-9 Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN di Langkawi pada tahun 2015.

Adalah mustahil untuk sesebuah negara bekerja secara *silo* atau bersendirian dalam membanteras aktiviti tersebut, dan sebaliknya ia harus dilakukan secara bersama dengan melibatkan aset ketenteraan, strategi yang kukuh, serta daya kepercayaan yang tinggi dan hubungan erat antara pemimpin ketiga-tiga negara.

Suka saya tegaskan bahawa segala ancaman di Laut Sulu termasuk kumpulan militan DAESH adalah benar dan peristiwa di Marawi Filipina adalah bukti yang amat jelas kepada kita bahawa kita tidak boleh berdiam diri dan berusaha secara bersendirian untuk mengatasi ancaman-ancaman ini.

Kerajaan sentiasa bersedia untuk melaksanakan apa-apa langkah untuk menangani pelbagai ancaman termasuk ancaman kumpulan DAESH di dalam negara dan bersedia bekerjasama dengan mana-mana negara di rantau ASEAN dan dunia untuk menjadikan Negara kita, rantau ASEAN dan dunia yang lebih aman, selamat dan harmoni.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 60

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pihak mana yang bertanggungjawab ke atas kewajipan kontrak untuk mengorek dan mendalamkan dasar laut daripada 11m ke 15m di Pelabuhan Pulau Pinang setelah pengendali asalnya iaitu Penang Port Sdn. Bhd. telah ditukar milik daripada Seaport Terminal (Johore) ke MMC Corp. Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PPSB merupakan operator pelabuhan Pulau Pinang. Pada 18 September 2013, jemaah menteri telah meluluskan pengambilalihan ekuiti dalam PPSB (yang dimiliki 100% oleh Menteri Kewangan DiPerbadankan pada ketika itu) oleh syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn.Bhd. (SPT). Pada 21 November 2013, SPT secara rasminya telah mengambilalih PPSB dengan menandatangani Perjanjian Konsesi Penswastaaan selama 30 tahun.

Berdasarkan kepada Perjanjian Penswastaaan tersebut, pihak PPSB perlu menjalankan kerja-kerja pengerukkan di Pelabuhan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, sebarang kerja-kerja pengerukkan yang ingin dijalankan perlu dilaksanakan kajian terlebih dahulu dan sekiranya terdapat keperluan mendesak ianya perlu dilaksanakan.